

# Ibrahim yakin Ku Li tidak cabar presiden

BH - 3 FEB 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT), Datuk Paduka Ibrahim Ali, yakin Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah tidak akan mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pemilihan parti Mei ini.

Kenyakinan itu adalah berdasarkan kenyataan Tengku Razaleigh sendiri yang akan menyokong kepemimpinan Perdana Menteri.

Secara peribadi, katanya, beliau yakin perkara itu tidak akan berlaku walaupun tersebar berita bahawa Tengku Razaleigh akan bertanding jawatan Presiden.

Beliau bagaimanapun mengakui ada pihak cuba mendesak Tengku Razaleigh supaya bertanding jawatan Presiden.

“Saya tidak percaya sama sekali Tengku

Razaleigh akan mencabar Presiden walaupun beliau dicalonkan kerana dia sendiri sudah menyatakan beberapa kali mengenai sokongannya terhadap Presiden,” katanya dalam pertemuan di pejabatnya di sini, hari ini.

Ibrahim berkata, beliau akur dengan nasihat MT yang menetapkan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

“Secara peribadi saya bersetuju jawatan Presiden tidak boleh diganggu gugat. Presiden diibarat payung yang menjadi tunggak dan lambang perpaduan. Payung jika dilanggar akan pecah dua dan kita tidak mahu berlaku perpecahan,” katanya.

Beliau yang juga Ketua Umno Bahagian Pasir Mas berkata, apa yang penting seka-

rang ialah memberi perhatian kepada Pemilihan Agung Umno 11 Mei ini.

Sehubungan itu, beliau merayu agar perwakilan menggunakan kebijaksanaan dalam memilih pemimpin yang benar-benar berwibawa dan mampu menyelesaikan krisis keyakinan rakyat terhadap parti.

“Pemilihan MT Mei ini penting dalam proses pemulihan krisis keyakinan rakyat terhadap Umno yang menjadi tulang belakang kerajaan. Saya yakin perwakilan bijak memilih,” katanya.

Beliau berkata, kriteria yang perlu dilihat oleh perwakilan ialah pemimpin yang mempunyai minda, jujur, amanah, berani, komited dan sanggup berkorban masa serta tenaga demi kepentingan parti dan rakyat.